



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Pusat Penerbitan Universiti (UPENA)



Journal of Language Studies

Academy of Language Studies

Volume 1

June 2005

ISSN 1823-6154

Peranan Bahasa Menangani Cabaran Menjadi Sebuah
Universiti Bertaraf Dunia – Pengalaman Universiti
Teknologi MARA

Md Noh Nyata

The Lecturer's Evaluation Form: A Critical Response
by Students and Lecturers

Julina Munchar
Paul Ang Ban Hock
Choy Tuck Onn
Anna Fung

Human Errors as Functions of Language

Patrick Tourchon

New Times and New Texts: Reconceptualising Literacy
Education for the Twenty-first Century

Moses Samuel
Saratha Sithamparam

A Personal Perspective of an ESP Teacher's
Professional Development

Hawa Rohany

Strategi Pengajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Ketiga
Menggunakan Pendekatan Bahasa Inggeris:
Suatu Pengalaman di UiTM

Naimah Abdullah

Sexist Language: Terms of Reference for Women and Men

Ramesh Nair

Apakah Makna Perkataan "Měi" (Cantik)
dalam Bahasa Mandarin?

Neo Kian Sen
Heng Buai Chin

Web-CEPT: A Content Creation Tool for English
Language Teaching

Mohamed Amin Embi
Afendi Hamat

Business Communication: Role and Impact of
Verbs, Nouns, Adjectives and Adverbs

Fatimah Dinna Mohd. Din

Apakah Makna Perkataan “Měi”(Cantik) dalam Bahasa Mandarin?

*Neo Kian Sen
Heng Buai Chin*

Makalah ini bertujuan membincangkan perkembangan penulisan perkataan měi (美, cantik) dalam Bahasa Mandarin pada zaman purba Cina dan pelbagai makna perkataan měi. Pengarang juga mengesyorkan satu kaedah menarik untuk mengajar satu set perbendaharaan kata Mandarin yang terbina daripada perkataan asas měi dalam kelas Bahasa Mandarin sebagai bahasa ketiga di universiti. ‘美’ dan ‘每’ adalah dua bentuk tulisan yang berbeza kepada perkataan měi, di mana 美 ialah satu imej penari lelaki dan 每 pula ialah satu imej penari perempuan. Untuk membantu pembaca memahami makna kata majmuk terbitan daripada perkataan měi, pengarang membincangkan set perbendaharaan kata tersebut mengikut empat kategori, yakni: yang berkenaan sains kecantikan; kualiti bagus yang boleh membawa keseronokan kepada deria; kualiti baik yang boleh membawa kebahagiaan batin; dan sampel canggih yang sangat menonjol daripada suatu populasi.

Kata kunci: cantik, kata majmuk, Bahasa Mandarin.

Pendahuluan

Dalam Bahasa Mandarin, sesetengah perkataan kaya dengan makna, terutamanya perkataan-perkataan lazim dari konsep nilai seperti benar (zhēn 真), baik (shàn 善) dan cantik (měi 美). Makna perkataan ini merupakan asas kepada banyak perkataan konsep nilai yang lain di mana skopnya adalah lebih khusus seperti jujur, gembira, harmoni, seimbang, unggul dan lain-lain. Dengan memasang perkataan-perkataan yang asas ini, misal kata, měi, dengan perkataan-perkataan lain, maka terbentuklah banyak perkataan majmuk yang boleh digunakan mengikut pelbagai keperluan tertentu seperti sedap (měiwèi 美味: cantik + bau),

canggih (yōuměi 优美: cemerlang + cantik), amat gembira (mēijìn 美劲儿: cantik + rasa kuat) dan sebagainya. Jika pengguna bahasa boleh memahami perbezaan yang kecil antara makna perkataan-perkataan majmuk yang terbit daripada perkataan asas yang sama, misal kata, měi, adalah sangat menarik. Demikian juga, mengenali cara penggunaan perkataan-perkataan majmuk sedemikian dalam konteks yang berbeza dengan jitu pasti sangat berguna bagi seseorang pengguna bahasa.

Makalah ini bertujuan membincangkan perkembangan penulisan perkataan měi dalam Bahasa Mandarin pada zaman purba China dan pelbagai makna perkataan ini. Pengarang juga ingin mengesyorkan satu kaedah menarik untuk mengajar satu set perbendaharaan kata Mandarin yang terbina daripada perkataan asas měi dalam kelas bahasa ketiga di universiti, khususnya di kelas Bahasa Mandarin tahap pertengahan di UiTM. Perlu ditegaskan di sini bahawa bilangan perkataan majmuk (héchéngcí 合成词) merupakan majoriti mutlak dalam perbendaharaan kata Bahasa Mandarin moden (姚麟园, 1989, P80). Ini kerana tulisan Mandarin berbentuk segi empat dan satu tulisan hanya dibaca dengan mono bunyi serta mempunyai satu atau beberapa makna akar. Ciri-ciri begini sesuai untuk memadamkan dua atau lebih tulisan yang masing-masing mempunyai makna akar tertentu untuk membentuk perkataan majmuk baru. Majoriti daripada perkataan majmuk terbentuk daripada dua tulisan supaya sesuatu makna baru yang berkaitan dapat ditampung oleh perkataan majmuk itu mengikut cara padanan dan makna akar tulisan dalam padanan kata-kata itu. Umpamanya, dengan memadamkan “cantik” dengan “bagus”: měi 美 + hǎo 好, maka perkataan majmuk měihǎo akan membawa makna sempurna (kualiti kebendaan) atau kesenangan (kualiti kehidupan). Satu lagi sebab penting ialah terdapat banyak perkataan asas dalam Bahasa Mandarin mempunyai bunyi bacaan yang sama, sebagai contoh, terdapat 61 perkataan yang sama bunyinya yang berbunyi “yì” dalam sebuah kamus (危东亚, 2001, P1485 – 1492). Melalui pembentukan perkataan majmuk, ini akan menjadikan bunyi mono asal perkataan asas itu ditukar kepada dwi bunyi yang lebih beraneka, dengan itu dapat mengurangkan keadaan kekeliruan dari segi pendengaran.

Pembentukan perkataan baru melalui padanan perkataan asas dengan kata-kata lain untuk menjadi perkataan majmuk yang mempunyai makna berkaitan dengan kata asas itu, adalah merupakan kaedah pembinaan perbendaharaan kata yang penting dalam Bahasa Mandarin. Kaedah ini agak berbeza daripada Bahasa Malaysia di mana cara utama pembinaan perkataan yang berkaitan dengan sesuatu perkataan asas adalah melalui penggunaan imbuhan. Demikian juga dalam Bahasa

Inggeris, sering kali dengan penggunaan “suffix” dan “prefix” terhadap sesuatu perkataan asas, banyak perkataan baru dapat dibina.

Perkembangan Tulisan Perkataan “Měi” dalam Bahasa Mandarin


Tulisan Mandarin berasal dari lakaran atau lukisan. Kaedah “menulis” ini sesuai untuk membayangkan objek-objek yang konkrit seperti matahari (☼→☉→日), bulan (☾→☽→月), mulut (☉→口) dan gunung (→山). Tetapi, bagaimanakah hendak mewakili konsep yang abstrak seperti cantik (měi)?

Sebenarnya, konsep cantik ialah satu konsep asas manusia yang sudah lama wujud. Orang Cina pada zaman purba menggambarkan konsep ini dengan memilih satu imej yang menarik. Ada dua cara penyampaian yang berkaitan untuk imej berkenaan, di mana unsur-unsur cantik dan cara untuk menonjolkan kecantikan dalam imej itu masih mempunyai kesan yang mendalam sehingga masa kini (mungkin ia cuma merupakan suatu tabii manusia, tidak kira zaman purba atau moden, timur atau barat, lelaki atau perempuan, tua atau muda).

Tulisan pertama “měi” kini kekal wujud tetapi telah membawa makna lazim yang lain. Kita akan lihat bentuk yang berbeza ini dahulu. Tulisan ini berkaitan dengan wanita. Sejak zaman kuno hingga sekarang, naluri wanita memang sukakan kecantikan, dan wanita dirinya juga satu rekaan cantik dalam dunia, jadi tulisan “cantik” berkait rapat dengan wanita tentulah tepat dan sesuai. Seperti simpulan bahasa Cina berkata: “itulah satu prinsip kebenaran yang tidak boleh dipertikaikan” (tiān jīng dì yì 天经地义). Seterusnya, kami akan bincangkan tulisan “měi” yang pertama itu mengikut tiga peringkat berturutan. Yang pertama, kita perlu lihat perkembangan tulisan perkataan “perempuan” (nǚ 女) dalam Bahasa Mandarin (康殷, 1979, P42).



Rajah 1: Ukiran figura jed wanita




Tulisan asal ini merupakan bentuk seorang wanita yang sedang duduk dengan sopan, di mana kedua-dua tangan wanita ini bersilang dan letak di atas pahanya. Cara duduk wanita orang Cina pada zaman dahulu kala ini terbukti apabila ditemui satu ukiran figura jed wanita yang digali dari tapak arkeologi dinasti Shāng 商 (600 – 1100 SM) di Ānyáng 安阳, Wilayah Hénán 河南. Figura jed ini ialah seorang wanita berketurunan bangsawan (imej ini dilukis oleh 康殷, 1979, P41).




Rajah 2: Imej tulisan 'ibu' zaman purba Cina

Berikut kita akan lihat satu tulisan perkataan yang berkait rapat dengan tulisan wanita perempuan kuno ini dalam bahasa Mandarin, iaitu perkataan "ibu" (mǔ 母) yang juga digambarkan berasaskan gerak isyarat duduk yang serupa (imej dilukis oleh 康殷, 1979, P42).



Jelasnya, apabila dibandingkan dengan tulisan perkataan nǚ (女, perempuan), tulisan kuno perkataan mǔ (母, ibu) cuma merupakan penambahan dua titik dalam tulisan asal nǚ. Penambahan dua titik ini untuk mensimbolkan wanita bertanggungjawab menyusu keturunannya, dan wanita ini ialah ibu, bukan gadis. Turut diperhatikan bahawa tulisan 母 ini adalah bercorak lukisan dan juga bercorak penambahan unsur simbol (dua titik) kepada tulisan 女, di mana 女 adalah satu tulisan yang sedia wujud. Tujuannya ialah untuk membezakan satu sama lain (gadis dengan ibu). Pada zaman purba, dalam bahasa Mandarin, kaedah dengan mengaitkan unsur simbol terhadap suatu perkataan asas yang sedia ada merupakan salah satu kaedah yang penting dalam pembentukan perkataan baru, khususnya perkataan yang membawa makna abstrak, yang ada kaitan dengan perkataan asas itu. Misalnya, perkataan rèn 刃 bermakna bahagian tajam pada muka pisau atau lembing, ia ditulis dengan menambahkan tanda “丿” pada tulisan perkataan pisau: dāo 刀. Kaedah ini dinamakan “zhǐshì” 指事, yakni, menunjukkan perkara (蒋善国, 1987, P 116). Tulisan perkataan “mǐ” yang pertama juga dibentuk melalui kaedah penambahan simbol terhadap tulisan perkataan “gadis” atau “ibu” yang sama sama merupakan perempuan yang cantik. Berikut ialah perkembangan tulisan mǐ yang sulung dan imejnya (imej dilukis oleh 康殷, 1979, P43).




Kami percaya bahawa tulisan měi 每 ini wujud selepas kemunculan perkataan nǚ 女 dan mǔ 母. Apabila dibanding dengan penulisan kuno nǚ 女 dan mǔ 母, tulisan měi 每 ini merupakan penambahan simbol yang berunsur cantik, iaitu tiga bulu burung yang panjang, yang pada awalnya dikaitkan dengan perkataan “gadis” 女 (tanpa dua titik) dan kemudian dikaitkan dengan perkataan “wanita dewasa” 母 (dengan dua titik), dan selepas itu, tulisan ini cuma dikaitkan dengan perkataan mǔ 母. Tulisan 每 kini masih dibaca sebagai měi, tetapi tulisan ini yang makna asalnya ialah cantik telah dipinjam untuk mewakili satu konsep abstrak, iaitu digunakan untuk menunjukkan “sebarang satu” atau “sebarang sekumpulan” daripada satu keseluruhan, yakni: “setiap”. Misalnya, setiap orang (měi ge rén 每个人) dan setiap minggu (měi ge xīngqī 每个星期). Imej měi 每 ini merupakan seorang gadis atau wanita dewasa sedang memakai hiasan kepala cantik yang dibuat daripada bulu burung yang panjang. Apabila orang Cina zaman purba menggunakan imej ini untuk mewakili konsep cantik, kecantikan perempuan dan kecantikan bulu burung merupakan satu imej keseluruhan, iaitu, perempuan dan bulu burung panjang sama-sama digunakan sebagai simbol cantik. Apa yang menarik ialah kadang kala cara untuk menonjolkan kecantikan sesuatu benda di bahagian atas kepala adalah bertujuan untuk menarik perhatian orang ramai supaya akhirnya dapat menyedari tentang kecantikan orang itu juga.



Rajah 3: Imej tulisan ‘cantik’ zaman purba Cina

Amalan menonjolkan kecantikan bulu burung atau objek lain di bahagian atas kepala memang merupakan amalan lazim di kalangan manusia dari masa dahulu hingga sekarang, baik lelaki mahu pun perempuan, tidak kira dari timur atau dari barat, asalkan orang itu ingin menonjolkan kecantikannya bersama dengan objek cantik di atas kepalanya. Artifak untuk mengesahkan kebiasaan amalan ini di kalangan manusia boleh diperolehi dengan begitu banyak sekali di muzium dan di perpustakaan di seluruh dunia. Kami pernah membaca suatu kartun yang mengejek amalan suka menonjolkan kecantikannya melalui kaedah ini pada satu masa dahulu. Pelukis kartun meminjam suatu figura peletakan bulu ekor burung unta di kepala burung itu sendiri untuk menyampaikan ejekan itu. Berikut kami cuma melukis kartun berkenaan berdasarkan bayangan ingatan kami. Di sebelah kartun pula disertai satu contoh hiasan kepala moden (Wings of Gold, 1995, P21).




Rajah 4: 'Saja suka menunjuk'



Rajah 5: Hiasan kepala dibuat oleh bulu burung

Seterusnya kita akan lihat penulisan perkataan *měi* yang kedua. Perkembangannya sepmakna berikut (imej dilukis oleh 康殷, 1979, P131).



Tulisan kedua “*měi*” merupakan tulisan yang digunakan sekarang. Imej tulisan ini ialah seorang penari lelaki. Sepmakna imej sebelum ini. Di bahagian atas kepala penari ini juga memakai bulu burung panjang sebagai hiasan cantik. Penari yang menghiaskan dirinya seumpama ini terutamanya adalah untuk menghadiri upacara korban semasa aktiviti agama kelompok kaum dilangsungkan. Pada amnya, penari berkenaan juga memakai topeng kayu atau kulit untuk menambah kesan kecantikan dan roh kudusnya. Tujuannya adalah di samping bersembahyang, mereka juga boleh menghibur para hadirin dalam upacara keagamaan. Amalan seumpama ini masih boleh didapati di Afrika pada kebelakangan ini (Parson, 1983).



Rajah 6: Imej Tulisan ‘cantik’ zaman purba China

Daripada kajian perkembangan tulisan *měi* di atas, kita mudah memahami bahawa “cantik” adalah sesuatu kualiti yang wujud secara

hakiki dalam sesuatu benda atau cara hidup yang dianggap cantik. Kualiti ini dapat menyenangkan hati orang ramai. Contoh-contoh di atas ialah: hiasan kepala yang cantik, perempuan (remaja dan dewasa) yang berupa cantik, penari yang mempunyai rencak badan cantik, dan sebagainya. Kualiti itu mungkin beraneka aspek seperti halus dan indah (bulu), comel dan manis (wanita), serta cergas dan kuat (penari). Apa yang penting ialah kualiti itu disukai oleh manusia dan boleh membawa perasaan keseronokan dan kebahagiaan kepada manusia. Oleh itu, manusia sukakan sesuatu yang cantik dan sukakan dirinya sebagai sumber cantik. Benda-benda cantik yang disukai ramai biasanya lebih tinggi permintaan daripada penawaran. Biasanya, benda cantik yang penawaran sangat terhad kepada orang yang kaya atau berkuasa. Oleh kerana benda cantik seperti bulu burung itu sangat berharga, ia hanya dikeluarkan dan dipakai dalam majlis yang penting seperti kegiatan agama atau semasa ada persembahan pentas untuk menghiburkan tetamu penting.

Apakah Makna Perkataan “Měi”?

Menurut sebuah kamus kuno yang diterbit pada dinasti Hàn 汉 (206 SM-220 TM) yang berjudul *Shuōwén jiězì* 《说文解字》, penyuntingnya, Xūshèn 许慎, menjelaskan bahawa erti bagi měi (cantik) ialah shàn (baik): “měi yú shàn tóngyì” (美与善同意) [(汉), 许慎, 1989, P78]. Dalam Bahasa Mandarin moden, perkataan yang sama makna dengan perkataan shàn tetapi lebih lazim digunakan ialah hǎo 好 (bagus). Jadi, sesuatu objek atau keadaan yang cantik pasti merangkumi kualiti baik dan bagus. Dari segi nilai dan sudut estetik, dengan berdasarkan makna pokok kualiti baik dan bagus ini, benda dan keadaan cantik boleh ditemui di pelbagai bidang, dan kecantikan itu juga mempunyai darjat yang tinggi dan bagus yang berbeza serta perasaan yang tidak sama rata. Untuk menyifatkan perbezaan yang halus berhubung dengan hal kecantikan ini, maka perkataan měi dipasangkan dengan perkataan-perkataan dari bidang lain untuk membentuk banyak perkataan majmuk yang berkaitan. Seseorang pengguna bahasa perlu memahami makna yang sebenar yang dibawa oleh perkataan majmuk itu supaya boleh menggunakannya dalam pelbagai keadaan dengan jitu.

Sebelum kita melihat kata majmuk lazim terbitan daripada perkataan “měi” ikut beberapa kategori nanti, kita lihat dahulu apakah kata

terjemahan Bahasa Mandarin yang berhubung dengan kata terbitan daripada perkataan cantik dalam Bahasa Malaysia:

- cantik (beautiful): měilì (美丽), piàoliang (漂亮), dòngrén (动人).
- kecantikan (beauty): měimào (美貌), měiguān (美观), piàoliang (漂亮).
- mencantikkan (beautify): měihuà (美化), dābàn (打扮).

Juga, kita akan lihat kata terjemahan dalam Bahasa Mandarin (yang melibatkan perkataan měi) berkenaan dengan sains kecantikan.

Perkataan měi yang berkenaan dengan sains kecantikan (18 contoh kata majmuk)

1. estetika (aesthetics): měixué 美学.
2. perasaan estetik (sense of beauty): měigǎn 美感.
3. seni halus (fine art): měishù 美术.
4. perekaan seni (art designing): měigōng/měishù shèjì 美工/美术设计.
5. peraduan kecantikan (beauty contest): xuǎn měi 选美.
6. ratu cantik (beauty queen): měihòu 美后.
7. persolekan (cosmetology): měiróng 美容.
8. pembedahan kosmetik (cosmetic surgery): měiróng shòushù 美容手术.
9. pakar kecantikan (beautician): měiróngshī 美容师.
10. salun kecantikan (beauty parlour): měiróng yuàn 美容院.
11. tahi lalat pada muka wanita (beauty spot): měirén bān/zhì 美人斑/痣.
12. kecantikan wajah lahir (external beauty): wàizài měi 外在美.
13. kecantikan sifat-sifat batin (inner beauty): nèizài měi 内在美.
14. wajah lahir kurang penting dibandingkan dengan sifat-sifat batin: (beauty is only skin deep): Wàizài měi bù rú nèizài měi 外在美不如内在美.
15. kecantikan kewanitaian (feminine beauty): yīnróu zhī měi 阴柔之美.
16. kecantikan kejantanan (masculine beauty): yáng kàng zhī měi 阳刚之美.
17. kecantikan muzik vokal (beauty of vocal music): shēngyuè měi 声乐美.
18. kecantikan struktur (structural beauty): jiégòu měi 结构美.

**Kualiti bagus yang boleh membawa keseronokan kepada deria
(18 contoh kata majmuk)**

1. Mempesona: Pemandangan keaslian yang mempesona di Pulau Perhentian menyebabkan ia menjadi tempat kunjungan peminat-peminat alam semula jadi.
(dòng rén): Tīngbó Dǎo de tiānráng měijǐng lìng tā chéngwéi dàzìrán àihào zhě de qùchù.
(动人): 停泊岛的天然美景令它成为大自然爱好者的去处。
2. Kacak: David Beckham seorang lelaki kacak.
(Yīngjùn): Dàwèi Bèigēn shì yì ge měi nánzǐ.
(英俊): 大卫贝根是一个美男子。
3. Muka lawa: Siti seorang gadis bermuka lawa.
(hǎokàn): Xīdì shì yì ge měimào de niánqīng nǚzǐ.
(好看): 西蒂是一个美貌的年轻女子。
4. Comel: Comelnya jam tangan ini!
(duómù): Zhè ge shǒubiāo měijí le!
(夺目): 这个手表美极了!
5. Indah: Malaysia sebuah negara yang indah dan kaya dengan sumber alam.
(piàoliang): Mǎláixīyà shì ge měilì fùráo de guójiā.
(漂亮): 马来西亚是一个美丽富饶的国家。
6. Manis madu: Kamu senyum dengan begitu manis madu!
(kě rén): Nǐ xiào de duō tiánměi!
(可人): 你笑得多甜美!
7. Mengkagumkan: Menara berkembar Petronas yang mengkagumkan!
(fùlì táng huáng): Měihuàn měilún de Guóyóu Shuāngfēng tā a!
(富丽堂皇): 美奂美仑的国油双峰塔啊!
8. Elok: Dewan telah dihiasi dengan begitu elok sekali!
(biāozhì): Lǐtáng bùzhì de hěn měiguān!
(标致): 礼堂布置得很美观!

9. Anggun: Rekaan jaket wanita ini amat anggun!
(yǎzhì): Zhè tào nǚ xīzhuāng de shèjì fēicháng yǎmēi!
(雅致): 这套女西装的设计非常雅美!
10. Halus: Sila menghayati kraft tangan kami yang halus.
(jīngxì): Qīng guānshāng wǒmen yōuměi de shōugōngyìpǐn.
(精细): 请观赏我们优美的手工艺品.
11. Dalam lagi damai: Rumah saya mempunyai sebuah mahligai yang dalam lagi damai.
(Shēnsuìníngjìng): Wǒ de jiā yǒu yì ge yōuměi de tíngyuàn.
(深邃宁静): 我的家有一个幽美的庭院.
12. Jelita: Anak perempuan Encik Ghazali sungguh jelita!
(jiǎohǎo): Jiāshānlǐ de nǚèrzhǎng de zhēn jiǎoměi.
(姣好): 加沙里的女儿长得真娇美.
13. Segar dan enak: Rasa ikan ini cukup segar dan enak!
(chūsè): Zhè tiáo yú duōme xiānměi a!
(出色): 这条鱼多么鲜美啊!
14. Lazat: Saya suka makan keropok ikan Kelantan yang lazat.
(kěkǒu): Wǒ xǐhuān chī Jílándān měiwèi de yúbǐng.
(可口): 我喜欢吃吉兰丹美味的鱼饼.
15. Hidangan besar: Kami baru sahaja makan suatu hidangan makan yang besar.
(fēngshèng): Wǒmen gāng chī le yí dùn měicān.
(丰盛): 我们刚吃了一顿美餐.
16. Menyelerakan: Makanan selera terhidang di hadapan, tentulah saya ingin merasainya.
(yǐnrén): Měishí dāng qián, zěn bù lìng wǒ wèikǒu dà kāi.
(引人): 美食当前怎不令我胃口大开.
17. Sedap: Muzik piano ini sedap betul!
(dòngtīng): Zhè gāngqín de yīnyuè zhēn měimiào!
(动听): 这钢琴的音乐真美妙!

18. Lembut: Saya suka menonton susuk gerak yang lembut dalam tarian balet.
(róushùn): Wǒ xǐhuān kàn bālěiwǔ róuměi de wǔzhī.
(柔顺): 我 喜 欢 看 芭 蕾 舞 柔 美 的 舞 姿 .

Kualiti baik yang boleh membawa kebahagiaan batin (13 contoh kata majmuk)

1. Bahagia: Perkahwinan mereka itu bahagia.
(xìngfú): Tāmen de hūnyīn měimǎn.
(幸福): 他 们 的 婚 姻 美 满 .
2. Puas dan selesa: Selepas bekerja keras, sekarang saya ingin tidur dengan sepuas-puasnya.
(shūshì): Xīngkǔ gōngzuò guò hòu, xiànzài wǒ xiǎng měiměi’er shuì yì jiào.
(舒适): 辛 苦 工 作 过 后 , 现 在 我 想 美 美 儿 睡 一 觉
3. Perilaku mulia: Rajin dan berjimat merupakan perilaku mulia keluarga Abdullah.
(hélixíngwéi): Qínfèn hé jiéjiǎn shì Ādūlā jiātíng de chuántǒng měidé.
(合礼行为): 勤 奋 和 节 俭 是 阿 都 拉 家 庭 的 传 统 美 德 .
4. Nama harum: Nama harum wira adalah termasyhur di dunia.
(fēnfāng): Yīngxióng měimíng tiānxià yáng.
(芬 芳): 英 雄 美 名 天 下 扬 .
5. Kesudian: Kesudian jasa baik encik itu kami amat menghargai.
(réncí): Xiānsheng de měiyì wǒmen gǎnjī bújìn.
(仁 慈): 先 生 的 美 意 我 们 感 激 不 尽 .
6. Bagus: Wawasan 2020 merupakan suatu pandangan jauh yang bagus sekali.
(zhuànglì): Èr líng èr líng hóngyuàn shì yì ge měihǎo de yuǎnjǐng.
(壮 丽): 二 零 二 零 宏 愿 是 一 个 美 好 的 远 景 .

7. Mewah dan selesa: Kehidupan anda agak mewah dan selesa.
(shūchàng): Nín de rìzi guò de tǐng huáměi a!
(舒暢): 您的日子过的挺华美。
8. Sentosa dan mesra: Kita semua hidup dengan sentosa dan mesra.
(yōhào): Dàjiā héhémeiměi de guò rìzi.
(友好): 大家和和美的过日子。
9. Serba berlebih: Ekonomi negara yang serba berlebih sukar untuk berlangsung.
(fùyù): Guójiā jīngjì měijǐng nán de zài chíxù le.
(富裕): 国家经济美景难得再持续了。
10. Baik: Semoga anda baik selalu!
(jíli): Zhì yǐ měihǎo de zhùyuàn!
(吉利): 致以美好的祝愿!
11. Syok: Cuma memuji dia sepatah dua, dia sudah syok sampai begini.
(Shuǎngkuài): Zhǐ shì kuā le tā liǎng jù, tā jiù měi de bù dé liǎo.
(爽快): 只是夸了他两句,他就美得不得了。
12. Peri laku yang amat gembira: Dengan melihat perilaku yang amat gembira itu, tentulah tahu tuntutan beliau untuk menaikkan gaji telah berjaya.
(hěn déyì): Qiáo tā nà měijīnr, jiù zhīdào tā yāoqiú jiā xīn chénggōng le.
(很得意): 瞧他那美劲儿,就知道他要求加薪成功了。
13. Sangat puas hati: Dia dilantik jadi ketua pasukan, patutlah sangat berpuas hati.
(fēicháng mǎnyì): Tā bèi xuǎn zhòng dǎng duìzhǎng, guàibùdé xīnlǐ měizizi de.
(非常满意): 他被选中当队长,怪不得心里美滋滋的。

Sampel canggi yang sangat menonjol daripada suatu populasi (19 contoh kata majmuk)

1. Gemilang: UiTM telah peroleh pencapaian gemilang dalam mendidik pakar-pakar anak bangsa Melayu.
(huīhuáng): Mǎlā Gōngyì Dàxué zài péiyù Mǎlái zhuāncái fāngmiàn qǔdé le měili de chéngjì.
(辉煌): 玛拉工艺大学在培育马来专才方面取得了美丽的成绩.
2. Penghormatan tinggi: Thomas Edison menikmati penghormatan tinggi dengan gelaran “Raja mencipta”.
(shòujìngzhòng): Àidíshēng xiāngyǒu “Fāmíng zhī wáng” de měiyù.
(受敬重): 爱迪生享有“发明之王”的美誉.
3. Cergas: Bola itu dapat diselamatkan oleh penjaga gol dengan cergas.
(mǐnjié): Shǒuményuán nà ge qiú jiù de gòu měi.
(敏捷): 守门员那个球救得够美.
4. Bersinar: Biar jadikan masa muda kita lebih bersinar.
(shǎnliàng): Ràng wǒmen de qīngchūn suìyuè gèng měili.
(闪亮): 让我们的青春岁月更美丽.
5. Menarik hati: Alangkah menarik hati bahasa puisi Usman itu!
(shǎnxīnyuè mù): Wūsīmàn de shīgē yǔyán shì duōmēi de yōuměi a!
(赏心悦目): 乌斯曼的诗歌语言是多么的优美啊.
6. Keseronokan sensual: Semalam, dia mengalami satu malam yang penuh dengan keseronokan sensual.
(chángmiánxiānyàn): Zuótiān tā yǒu yì ge měiyàn de yèwǎn.
(缠绵香艳): 昨天他有一个美艳的夜晚.
7. Sempurna: Ini adalah sebutir berlian yang sempurna.
(wúxiáncí): Zhè shì yì kē wánměi de zuànshí.
(无瑕疵): 这是一颗完美的钻石.

8. Molek: Melabur di pasaran saham dan melabur dalam harta tanah, mana satu memberi kita pulangan yang lebih molek?
(yōuliáng): Tóuzhī gǔpiào hé tóuzhī dìchǎn, nǎ yízhǒng gěi wǒmen de huíkù bǐjiào měi?
(优良): 投资股票和投资地产, 哪一种给我们的回馈比较美?
9. Sahaja yang terunggul: Demi enggan artist-artist generasi dahulu sahaja yang menikmati pujian terunggul, pelakon-pelakon muda berusaha gigih mengkaji seni lakonan.
(tèxiǎngshèngmíng): Wèile bú ràng shàngdài yìrén zhuānměi yú qián, niánqīng yuānyuán nǔlì zuànyán biāoyǎn yìshù.
(特享盛名): 为了不让上代艺人专美于前, 年轻演员努力钻研表演艺术.
10. Stabil: Status kewangan syarikat itu sangat tidak stabil.
(wěnjiàn): Nà jiān gōngsī de jīngjì qíngkuàng hěn bù měimào.
(稳健): 那间公司的经济情况很不美妙.
11. Gelaran sanjungan: Hong Kong sejak dari awal mempunyai gelaran sanjungan sebagai “Mutiara Timur”.
(shòu zànyáng): Xiānggǎng xiǎng yǒu “Dōngfāng zhī zhū” de měichēng.
(受赞扬): 香港享有“东方之珠”的美称.
12. Terus dipuji: Perilaku kepahlawanan Hang Tuah sehingga kini masih terus dipuji.
(lèyúchēngdào): Hàndūyà de yīngxióng shìjì zhì jīn shàng chuáng wéi měitán.
(乐于称道): 汉都亚的英雄事迹至今尚传为美谈.
13. Sedap mulut: Jangan pakai cakap ikut sedap mulut.
(shuōhǎohuà): měiyán kào bù zhù.
(说好话): 美言靠不住.

Apakah Makna Perkataan “Měi”(Cantik) dalam Bahasa Mandarin?

14. Ideal: Awak dipanggil bermesyuarat di Pulau Langkawi selama seminggu, itu suatu tugas yang ideal, kerana boleh sambil kerja sambil bercuti.
(lǐxiǎng): Nǐ bèi jiào qù Fúluó jiāoyì kāihuì yì ge xīngqī, nà kě shì yì ge měicāi, yīnwei kěyǐ yì miàn gōngzuò yì miàn dùjià.
(理想): 你被叫去浮罗交宜开会一个星期,那可是一个美差. 因为可以一面工作,一面度假.
15. Harga baik: Dia berasa gembira kerana harga lembunya dijual dengan suatu harga baik.
(zúgòu): Tā mài niúzhī dé le ge měijià, mǎnxīn huānxī.
(足够): 他卖牛只得了个美价,满心欢喜.
16. Jawatan bergaji tinggi: Kekosongan jawatan bergaji tinggi pengurus besar itu masih belum diisi.
(gāoxīn): Zhōng jīnglǐ nà ge měiquē shàng wú rén dǐngtì.
(高薪): 总经理那个美缺尚无人顶替.
17. Bermurah hati: Menolong orang adalah suatu perbuatan yang bermurah hati.
(hǎoxīncháng): Zhù rén shì yì jiàn měishì.
(好心肠): 助人是一件美事.
18. Nyaman: Sudah lama tiada cuaca yang nyaman seperti ini.
(qīngshuǎng): Yǐjīng hǎojiǔ méiyǒu zhème měi de tiānqì le.
(清爽): 已经好久没有这么美的天气了.
19. dipenuhi kasih sayang : Impian saya akan jadi realiti.
(chōngmǎn ài): Wǒ de měimèng jiù yào chéng zhēn le.
(充满爱): 我的美梦就要成真了.

Kaedah Pengajaran Menggunakan Cerita: “Kesilapan yang ‘Cantik’?”

Dalam soal penggunaan bahasa, kita terlebih dahulu dikehendaki menyampaikan sesuatu maksud dengan tepat, barulah pergi menuntut

untuk menyampaikan sesuatu maksud itu dengan menarik dan beraneka. Bagi seorang pengguna bahasa yang mahir, beliau perlu menguasai lebih lagi perbendaharaan kata, khususnya set kata yang berkaitan, dan memahami makna setiap perkataan itu dengan jitu dan menyeluruh, lalu belajar bersungguh-sungguh bagaimana hendak menggunakannya secara fleksibel. Dengan berbuat demikian, setelah mereka boleh menyampaikan sesuatu maksud dengan betul, mereka boleh beranjak ke tahap penggunaan bahasa yang lebih tinggi, iaitu mampu mengguna bahasa yang menarik dan seterusnya menawan hati pembaca untuk terus membaca hasil penulisan mereka. Umpamanya, dalam penggunaan Bahasa Mandarin, selepas belajar konsep-konsep asas perkataan *měi*, seseorang pelajar jika masih boleh belajar lagi perkataan-perkataan majmuk yang terbina daripada perkataan asas *měi* melalui rujukan kepada kamus atau guru, dan boleh meneliti perbezaan yang kecil antara makna setiap perkataan itu, kemudian belajar cara penggunaan perkataan-perkataan itu, maka pada masa yang akan datang, pelajar itu dapat mengelakkan dirinya daripada keadaan cuma menyampaikan sesuatu maksud secara rigid dan monoton.

Biar kita lihat satu cerita berikut yang dikarang oleh kami yang bertajuk: “Kesilapan yang cantik?” dalam Bahasa Mandarin, dan cuba faham betapa penting dan bergunanya menguasai sesuatu set perbendaharaan kata yang berkaitan itu dengan jitu dan menyeluruh.

有个名叫刘美容的**美貌**女孩，穿了一件以**美观**大方布料制成的衣裳，和一个叫张美德的**美**男子，一起去了有东方之**珠美称**的香港游玩。男子出得起**美**价，两人便住进了一间**美奐美仑**的酒店。这酒店有五星情人酒店之**美誉**。他们在夜里喝了一点**美**酒，又吃了一顿**美餐**。饭后他们在酒店的大厅听**美妙**的音乐，随后又走到酒店外面看**美景**。他们在**柔美**的月色下谈着**美好**的将来，男子在女孩耳边**美言**几句，女孩心里就**美得**不得了。男子说他有一间**美术**设计公司，他要请女孩顶替他公司总经理的**美缺**，他也要和女孩组成一个**和美美美**的家庭。女孩听了心里是**美滋滋**的。带着向往将来**美满婚姻**的**美劲儿**，女孩随着男子回房去共**寻美梦**。这会不会是一个**美丽**的错误？

Yǒu ge míng jiào Liú Měiróng de měimào nǚhái, chuān le yí jiàn yī měiguān dàfāng bùliào zhìchéng de yīshang, hé yì ge jiào Zhāng Měidé de měi nánzi, yìqǐ què le yǒu Dōngfāng zhī zhū měichēng de Xiānggǎng yóuwán. Nánzi chū dé qǐ měijià, liǎng rén biàn zhù jìn le yí jiān měihuànměilún de jiǔdiàn. Zhè jiǔdiàn yǒu Wǔxīng Qíng rén Jiǔdiàn zhī měiyǔ. Tāmen zài yèli hē le yí diǎn měijiǔ, yòu chī le yí dùn měicān. Fàn hòu tāmen zài jiǔdiàn dāng tīng tīng měimào de yīnyuè, suǒ hòu yòu zōuchū jiǔdiàn wàimiàn kàn měijǐng. Tāmen zài róměi de yuè sè xià tán

zhè měihǎo de jiānglái , nánzi zài nǚhái ěrbiān měiyán jǐjù, nǚhái xīnli jiù mēi de bùdéliào. Nánzi shuō tā yǒu yì jiǎn měishù shèjì gōngsī, tā yào qīng nǚhái dīngtǐ tā gōngsī zōng jīnglǐ de měiguà, tā yě yào hé nǚhái zūchéng yì ge héhéměiměi de jiātíng. Nǚhái tīng le xīnli shì měizīzī de. Dài zhè xiàngwǎng jiānglái měimān hūnyīn de měijūn, nǚhái suī zhè nánzi huí fáng qù gòng xún měimèng. Zhè huì bu huì shì yì ge měilǐ de cuòwù?

(Terjemahan: Seorang gadis bermuka lawa bernama Liu Meirong memakai sehelai baju yang dibuat daripada kain yang elok lagi bercita rasa, beliau bersama seorang lelaki kacak bernama Zhang Meide, kedua dua orang itu pergi melancong ke Hong Kong: sebuah pulau yang mempunyai gelaran sanjungan Mutiara Timur. Lelaki itu mampu membayar harga tinggi, dua orang itu kemudian bermalam di sebuah hotel yang paras rupanya sangat mengagumkan. Hotel ini menikmati penghargaan tinggi dengan gelaran Hotel Kekasih Lima Bintang. Pada malam itu, mereka minum sedikit arak yang molek, dan mengadakan satu hidangan makan besar. Selepas makan mereka singgah di ruang tamu hotel mendengar muzik yang sedap bunyinya, lalu mereka berjalan keluar dari hotel untuk menyaksikan pemandangan indah di luar. Mereka berbual-bual mengenai masa depan mereka yang bagus sekali di bawah sinaran cahaya bulan yang romantik. Lelaki berbisik dengan sedap mulut di tepi telinga gadis, hati gadis pun menjadi sangat tersentuh. Lelaki berkata bahawa dia mempunyai sebuah syarikat rekaan seni, dia mahu mengajak gadis itu untuk mengisi jawatan pengurus besar syarikat itu yang bergaji tinggi, dia juga ingin bersama gadis itu untuk mendirikan rumah tangga yang sentosa dan mesra. Selepas mendengar cadangan ini, gadis itu nampak sangat puas hati. Dengan berangan-angan terhadap perkahwinan bahagia masa depan mereka, gadis yang berperilaku amat gembira mengikut lelaki itu masuk ke bilik tidur untuk menyulam mimpi yang penuh kasih sayang. Adakah ini suatu kesilapan yang cantik?)

Dalam cerita versi Bahasa Mandarin di atas, setiap ayat telah menggunakan sekurang kurangnya satu perkataan majmuk berkenaan měi (ada juga yang menggunakan perkataan tunggal měi sahaja). Oleh kerana corak penggunaan perkataan majmuk měi itu tidak begitu kerap, misalnya dengan berulang-ulang kali mengguna perkataan seperti měili sahaja, maka apabila dibaca, kita tidak merasa penggunaan bahasa itu adalah terlalu lapuk dan bosan.

Untuk menggunakan kaedah cerita di atas sebagai pendekatan pengajaran yang menarik, ia bergantung kepada satu syarat, iaitu pelajar telah belajar semua perkataan majmuk terbitan daripada perkataan asas měi itu. Berdasarkan cerita di atas, guru boleh membimbing pelajar

mengulang kaji perkataan majmuk berkenaan měi yang baru sahaja dipelajari oleh pelajar seperti: menyuruh pelajar mencari beberapa perkataan yang baru dipelajari dan menerangkan maknanya; atau membincangkan apakah perbezaan yang kecil antara setiap perkataan itu. Guru juga boleh meminta pelajar membina ayat berdasarkan perkataan-perkataan itu untuk mengenal pasti pemahaman pelajar terhadap set perbendaharaan kata yang berkaitan itu.

Di samping itu, guru haruslah menggalakkan pelajar menggunakan perkataan yang ertinya lebih khusus apabila merujuk kepada keadaan yang lebih khusus. Misalnya, perkataan měili membawa makna yang lebih sesuai untuk menggambarkan keadaan pemandangan yang molek atau cantik, ia tidak sesuai digunakan untuk menceritakan keadaan seperti sedap dari segi pendengaran (měimiào 美妙) dan lazat dari segi perasaan (měiwèi 美味), demikian juga untuk mewakili: baik (měihǎo 美好), bahagia (měimǎn 美满), lembut (róuměi 柔美), halus (jīngměi 精美), sempurna (wánměi 完美) dan sebagainya. Juga, walaupun menurut penjelasan Xūshèn 许慎 di atas, makna bagi měi (cantik) ialah shàn (baik): “měi yú shàn tóngyì” (美与善同意: “*Beauty means good*”), tetapi perlu diingatkan juga di sini bahawa perkataan ‘baik’ merangkumi satu makna yang lebih umum lagi, iaitu, makna ‘cantik’ cuma merupakan satu aspek khusus dari makna ‘baik’. Jadi, pepatah Bahasa Inggeris yang berkata: “*What is beautiful is not always good*” tidak bercanggah dengan penjelasan Xūshèn di atas, ia hanya membawa makna bahawa “Benda yang berupa cantik isinya tidak semestinya baik”, dan mengajar kita jangan menilai seseorang berasaskan muka lawa sahaja, kita perlu menilai seseorang dengan secara menyeluruh. Dalam matematik, subset (cantik) tidak boleh disetarakan dengan set semesta (baik), tetapi dalam usaha menjelaskan makna perkataan, khasnya pada zaman dahulu kala, makna perkataan kerap dijelaskan dengan cara yang tidak setara seperti begini.

Ringkasan

Daripada perbincangan di atas, dapat diringkaskan beberapa isi penting seperti yang berikut:

- Penulisan perkataan měi (每) dalam Bahasa Mandarin mempunyai unsur perempuan cantik, dan perempuan itu sama ada gadis atau

wanita. Měi (美) pula ada unsur lelaki yang berkuasa (penari biasanya adalah pemimpin kelompok kaum, wira atau orang yang berstatus tinggi). Selain itu, kedua-dua penulisan měi mempunyai hiasan cantik yang sangat berharga, iaitu bulu burung jenis terhad.

- Daripada perkembangan penulisan perkataan měi, dikesan bahawa orang Cina zaman purba mengetahui untuk menambahkan kecantikan mereka dengan menggunakan alat solek, yakni hiasan kepala yang diperbuat oleh bulu burung. Amalan begini sehingga kini masih merupakan satu kaedah persolekan penting dan masih agak popular di kalangan banyak kaum, yang berbeza cuma jenis jenis bulu burung sahaja.
- Kecantikan dalam penulisan 每 lebih bersifat lembut dan statik. Kami sangka wanita itu ialah seorang penari di istana. Gaya tarian istana biasanya bercorak lemah gemalai dan diiringi dengan muzik anggun. Rupa paras penari ialah inti kecantikan itu.
- Kecantikan dalam penulisan 美 lebih bersifat cergas dan dinamik. Lelaki itu ialah penari yang ditugaskan oleh kelompok kaum untuk berhajatkan rahim dan rahmat daripada Tuhan, atau untuk menghalau hantu. Gaya tarian agama ini biasanya melompat-lompat dan berteriak kuat. Semangat tarian dan kekuatan badan penari ialah inti kecantikan.
- Orang Cina kerap mengkaji fenomena semula jadi berasaskan dua prinsip bertentangan tetapi saling melengkapi, iaitu pemikiran yīn 阴 dan yáng 阳. Yīn adalah berciri feminin (kewanitaan) dan negatif. Yáng adalah berciri maskulin (kejantanan) dan positif. Apabila kecantikan itu dilihat melalui sudut yīn dan yáng, kecantikan yīn adalah bergaya lembut (róu 柔) dan kecantikan yáng adalah bertenaga kuat (gàng 刚). Jadi, menurut pemikiran falsafah ini, penulisan 每 sesuai untuk mewakili kecantikan feminin, dan penulisan 美 sesuai untuk mewakili kecantikan maskulin. Walau bagaimanapun, kini penulisan 每 telah digunakan untuk membawa konsep ‘setiap’, maka tidak kira kecantikan feminin atau maskulin, semuanya perlu menggunakan penulisan 美 untuk menghuraikan cantik atau kecantikan.
- Apabila dianalisis unsur-unsur dalam penulisan 每 dan 美, didapati bahawa kualiti kecantikan terbayang pada paras rupa kebendaan seperti benda comel, wanita cantik, lelaki kuat, suara lagu sedap, gaya tarian lemah gemalai, di mana kualiti kecantikan pada paras rupa kebendaan itu boleh membawa keseronokan deria kepada manusia. Selain itu, kecantikan juga tersembunyi dalam cara hidup manusia seperti hajat sembahyang yang memohon datangnya

kebaikan dan kebahagiaan yang dikurniakan Tuhan, atau gerak geri tarian agama yang membawa makna mengucapkan kesyukuran dan penghormatan kepada Tuhan. Kualiti benda dan cara hidup yang boleh membawa keseronokan deria dan membawa kebahagiaan batin memang disukai ramai kerana ia dianggap sebagai baik dan bagus. Manusia sentiasa mengejar dan merebut benda dan cara hidup yang cantik. Akan tetapi, benda dan cara hidup yang cantik biasanya sangat terhad dan orang sudi membayar tinggi untuk memiliki kualiti cantik itu. Dengan demikian, perkataan *měi* juga sesuai digunakan untuk membawa makna penghargaan tinggi. Sampel canggih yang mempunyai sifat menonjol di kalangan populasi dan digemari orang ramai pada umumnya kurang diperoleh, sifat ini juga seperti benda dan cara hidup yang cantik, di mana penawarannya sentiasa terhad berbanding dengan permintaan. Jadi, perkataan *měi* juga boleh digunakan untuk menyifatkan sampel canggih yang sangat menonjol dalam suatu populasi.

- Kami telah menyenaraikan perkataan majmuk terbitan *měi* (ada yang cuma melibatkan perkataan tunggal *měi* sahaja) mengikut 4 kategori:
 - a. Berkenaan sains kecantikan.
 - b. Kualiti bagus yang boleh membawa keseronokan kepada deria.
 - c. Kualiti baik yang boleh membawa kebahagiaan batin.
 - d. Sampel canggih yang sangat menonjol daripada suatu populasi.
- Kami telah mencadangkan satu kaedah pengajaran menggunakan cerita “kesilapan yang ‘cantik’?” untuk mengajar satu set perbendaharaan kata yang berteraskan perkataan *měi*. Kaedah penggunaan cerita sebagai alat pengajaran biasanya boleh menarik minat belajar di kalangan pelajar.

Rujukan

Asmah Haji Omar (2001). *Oxford Fajar Advanced Learner's English-Malay Dictionary*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Parsons, N. (1983). *A New History of Southern Africa*. Hong Kong: Macmillan publishers.

Wei Dongya 危东亚 (Chief editor) (2001). *New Century Chinese-English Dictionary*. Singapore: Learners Publishing.

Wings of Gold: Malaysia's Wearable Art (1995). *The inflight magazine of Malaysia Airlines*. Kuala Lumpur: MAS.

姚麟园 主编 (1989). « 中学语文教师手册. 修订本 ». 上海: 上海教育出版社.

蒋善国 (1987). « 汉字学 ». 上海: 上海教育出版社.

康殷 (1979). « 文字源流浅说 ». 北京: 荣宝斋.

汉 许慎 (1989). « 说文解字 ». 香港: 中华书局.

高鸿缙 (1962). « 中国字例. 第二册 ». 台北: 台湾省立师范大学出版组.

NEO KIAN SEN mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Tionghua dan Matematik, Ijazah Sarjana Pendidikan (Matematik) dari Universiti Malaya pada tahun 1990. Beliau kini seorang pensyarah Bahasa Mandarin di Universiti Teknologi MARA. Bidang kepakaran beliau ialah pemahaman bahasa matematik dalam pendidikan.

HENG BUAI CHIN mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Tionghua dan Sejarah, Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknologi Pendidikan) dari Universiti Malaya pada tahun 2002. Beliau kini juga seorang pensyarah Bahasa Mandarin di Universiti Teknologi MARA. Bidang kepakaran beliau ialah isu-isu penggunaan ICT dalam pendidikan.